

Henti tularan video - PKR

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 12 JUN

PKR menggesa penyebaran video yang sedang ditularan dan diperkatakan oleh umum ketika ini dihentikan serta-merta.

Setiasaha Agungnya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, gaya dan cara berpolitik seumpama ini tidak membawa sebarang keuntungan kepada masyarakat dan negara.

"PKR tegas dan konsisten menolak sebarang bentuk permainan politik kotor terutamanya apabila kerajaan baharu Pakatan Harapan telah dipilih oleh rakyat atas semangat agenda reformasi untuk membantu rakyat dan membangunkan negara.

"PKR sebagai salah satu parti komponen Pakatan Harapan akan terus fokus membantu kerajaan Persekutuan merangka dasar-dasar dan program untuk rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau dipercayai merujuk kepada penuluran sebuah video intim yang didakwa melibatkan seorang pemimpin kanan parti sejak kelmarin.

Pada awal pagi ini, individu mendakwa terlibat sama dalam video terbabit dilaporkan tampil membuat pengakuan bersumpah bahawa dia terlibat dalam aksi tersebut.

Mengaku namanya sebagai Haziq Aziz mendakwa video tersebut dirakam pada 11 Mei lalu di sebuah bilik hotel di Sandakan.

Dalam pada itu, satu lagi video ditularkan menerusi kumpulan WhatsApp petang ini. Menggunakan modus operandi sama, beberapa kumpulan WhatsApp diwujudkan oleh pentadbir yang tidak dikenali dan menjemput sekumpulan wartawan termasuk *Utusan Malaysia* serta pemimpin politik.

Kalau sebelum ini kumpulan WhatsApp dinamakan 'Jemputan Raya YB #####', kali ini kumpulan diwujudkan menggunakan nama '##### part 2/4'.



"Gaya dan cara berpolitik seumpama ini tidak membawa sebarang keuntungan kepada masyarakat dan negara."

**SAIFUDDIN
NASUTION ISMAIL**